

TINDAKAN MESYUARAT JAWATANKUASA AKADEMIK PENGAJIAN SISWAZAH UNIVERSITI (JAPSU) BIL 12 2015/2016
TARIKH: 24 OGOS 2016 BIL: 12 2015/2016

RUJUKAN	PERKARA	PIHAK BERTANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
1.0	ALUAN PENERUSI 1.4 Permohonan Hadiah Akademik Pengerusi memaklumkan tarikh bagi permohonan hadiah akademik bagi Majlis Konvokesyen ke 51 adalah seperti berikut: Pelajar memohon – 1 Jun hingga 25 Ogos 2016 Pengesahan Penyelia - 7 Jun hingga 29 Ogos 2016 Pengesahan fakulti – 1 Ogos hingga 30 Ogos 2016. Urusetia dimohon untuk memantau pengesahan dari fakulti dan membuat peringatan kepada semua TD fakulti untuk membuat pengesahan tersebut.	<i>Tindakan : Urusetia Hadiah Akademik</i>	Tindakan selesai. Mesyuarat Jawatankuasa Pencalonan Hadiah Akademik telah diadakan pada 22 September 2016 dan JKTS Peperiksaan dan Pengijazahan pada 25 September 2016.
	1.5 Pemaklumkan Kelulusan Kertas Kerja 1.5.2 Kertas Kerja Pendaftaran Sepenuh Masa PhD dan Sarjana Penyelidikan. 1.5.2.1 Kertas kerja tersebut telah diluluskan dan akan dibawa ke Mesyuarat Senat pada 7 September	<i>Tindakan : AMD</i>	

RUJUKAN	PERKARA	PIHAK BERTANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
	2016. Bermula sesi 2016 status pelajar Pasca Siswazah di dalam sistem akan ditukar kepada sepenuh masa. Pertukaran status ini adalah termasuk pelajar kanan dan pelajar yang baru mendaftar. Perbezaannya adalah dari segi pelaksanaan iaitu pelajar kanan penyelidikan kadar yuran adalah kekal manakala bagi pelajar kerja kursus adalah berdasarkan jumlah kredit yang didaftar. Bagi yang mendaftar 12 kredit ke bawah adalah kadar yuran separuh masa sekiranya melebihi 12 kredit dan maksimum 20 kredit yuran adalah kadar sepenuh masa. 1.5.2.2 Pertukaran ini juga terpakai bagi pelajar sepenuh masa yang telah mencapai tempoh maksimum 12/12 dan 6/6 bagi semester 2 sesi 2015/2016 yang telah diberikan keputusan TM. Dengan pertukaran status ini pelajar akan mendapat tambahan 2 semester dan mengeluarkan surat pemakluman berkaita pertukaran status tersebut mulai semester II sesi 2016/2017, tiada lagi pengurangan yuran akan diberikan kepada pelajar.	<i>Tindakan : AMD</i>	

	1.6 Yuran Peperiksaan VIVA Pengerusi memaklumkan bahawa bayaran peperiksaan VIVA telah diluluskan pada Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Universiti Bil.3/2016 pada 11 Ogos 2016. Yuran ini adalah kepada Pelajar Doktor Falsafah sebanyak RM2500 dan Sarjana Penyelidikan RM1500 yang mendaftar bermula sesi 2016/2017 sahaja. Bayaran perlu dibayar sebelum pelajar mengemukakan tesis bagi tujuan VIVA. Timbalan Pendaftar (SPS) diminta mendapatkan maklumat daripada Pejabat Bendahari mengenai proses pembayaran bagi perkara tersebut.	<i>Tindakan : TP (SPS)</i>	Satu draf telah disediakan untuk dibincangkan pada Mesyuarat Sistem Kewangan Pelajar.
	4.4 LAWATAN SEMAKAN NOTIS HANTAR TESIS DI FBME Pengerusi memaklumkan satu audit akan dibuat bagi memantau pelaksanaan Notis Hantar Tesis di FBME. Hadir sama adalah wakil Senat. Ini adalah bagi memastikan fakulti mengikuti prosedur yang telah ditetapkan oleh Universiti.	<i>Tindakan : Urusetia</i>	Dalam tindakan.

6.0	PERMOHONAN PELANJUTAN TEMPOH PEMBETULAN 6.2 SYED KALEEM ULLAH SHAH BUKHARI (PP103032) Mesyuarat meminta fakulti menyemak rayuan pelajar dan membuat laporan di dalam Mesyuarat JAPSU yang akan datang.	Tindakan : Fakulti Pendidikan	Laporan akan dibentangkan dalam Agenda 10.1
9.0	PERBINCANGAN KEPUTUSAN PEMERIKSAAN SEMULA TESIS 9.1 SAEED DELAVARI (PK093053) Mesyuarat dimaklumkan bahawa pemeriksa telah menghantar surat memaklumkan tesis pelajar mempunyai ciri-ciri plagiat. Mesyuarat bersetuju meminta pelajar mengemukakan data asal dalam tempoh 14 hari dari surat dihantar. Surat berkenaan akan dikeluarkan oleh SPS dan salinan kepada fakulti dan penyelia.	Tindakan : BPB SPS	Surat arahan pembetulan tesis telah dikeluarkan kepada pelajar pada 14 September 2016. Tarikh akhir maklum balas pelajar ialah pada 28 September 2016.